## Khalid bin Yusoff lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–60 TAHUN 2007
ZAINAL AZMAN PK
4 MAY 2009

*Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — ss 468, 417 — Penipuan dan pemalsuan keputusan peperiksaan Sijil Amalan Guaman — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada pindaan markah dibuat perayu secara perseorangan — Sama ada perbuatan perayu melanggar peraturan — Sama ada penipuan dan pemalsuan terbukti*

Perayu di dalam kes ini telah merayu terhadap keputusan mahkamah sesyen yang mensabitkan bahawa perayu bersalah di atas dua pertuduhan di bawah ss 468 dan 417 Kanun Keseksaan. Pertuduhan di bawah s 468 adalah kerana memalsukan suatu dokumen senarai asal *master list* yang mengandungi keputusan peperiksaan Sijil Amalan Guaman dengan niat menipu. Pertuduhan di bawah s 417 pula berkenaan perbuatan menipu Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia ('Lembaga') meluluskan *master list* tersebut. Perayu telah didapati bersalah atas kedua-dua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan bagi setiap satu pertuduhan dan hukuman penjara berjalan serentak. Perayu yang tidak berpuas hati akan keputusan tersebut telah memfailkan rayuan atas sabitan dan hukuman yang dikenakan. Perayu telah membangkitkan tiga isu utama seperti berikut: (i) sama ada perayu tahu akan kandungan eksh P2 iaitu skim markah dan gred peperiksaan secara langsung atau tidak langsung; (ii) sama ada perayu telah membuat pindaan kepada markah di master list secara perseorangan atau bersama-sama dua lagi anggota penilai; dan (iii) sama ada perbuatan perayu meminda markah melanggar klausa 8 eksh P2 dan menjurus kepada perbuatan menipu dan pemalsuan.

**Diputuskan**, menolak rayuan:

(1) SP1, bekas pengarah CLP (Certificate of Legal Practice) telah pun memaklumkan kepada perayu mengenai skima markah yang patut dibuat. Tempoh masa satu bulan yang diambil oleh SP1 bagi mengajar dan membimbing perayu hal berkaitan amalan aktiviti-aktiviti CLP adalah mencukupi bagi perayu memahami tugasnya di CLP. Oleh sebab skim pemarkahan adalah penting dalam bidang tugas perayu, sudah tentu makluman hal ini telah diberitahu oleh SP1 kepada perayu, khususnya klausa 8 eksh P2 tersebut. Oleh itu, penafian perayu terhadap eksh P2, khasnya klausa 8 adalah tidak berasas (lihat perenggan 8–9).

(2) Dalam menguruskan pemarkahan calon-calon perayu harus menggunakan kuasanya secara profesional dalam menjalankan tugas dan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam kontrak perkhidmatan dengan Lembaga. Jelas daripada P18, iaitu penyataan saksi yang dibuat oleh pengerusi Lembaga, bukanlah memberikan kuasa sewenang-wenangnya kepada perayu untuk membuat apa saja dalam menguruskan pemarkahan calon-calon termasuk menurun dan menaikkan markah. Perayu sepatutnya merujuk semula kepada Lembaga (lihat perenggan 12).

(3) Terdapat keterangan yang kukuh bahawa perayu telah memalsukan *master list* di mana markah peperiksaan yang diberikan oleh pemeriksa kertas telah dipinda oleh perayu sendiri. Jelas daripada keterangan SP12, segala perubahan markah telah dibuat atas arahan perayu dan SP12 terpaksa mematuhi arahan pindaan daripada perayu tersebut. Ini menunjukkan perubahan markah sememangnya dibuat atas arahan perayu (lihat perenggan 14–15).

(4) Markah yang dinaikkan adalah jelas apabila dibandingkan dengan skrip jawapan SP9, SP10 dan SP11 yang dikemukakan. Apa yang nyata ialah perayu tidak punya kuasa untuk meminda markah tersebut. Daripada keterangan SP2, SP4, SP12 dan SP15 jelas menunjukkan perayulah yang bertindak secara bersendirian dalam meminda atau mengubah markah sebagaimana yang dinyatakan itu dan ia bertindak secara perseorangan (lihat perenggan 18 & 21).

(5) Tindakan perayu meminda *master list* adalah bukti prima facie tentang bagaimana perayu membuat dokumen palsu. Perayu tidak mempunyai kuasa yang sah untuk meminda *master list* tersebut dan perkara ini tidak dipanjangkan kepada Lembaga semasa mesyuarat dan *master list* itu dikemukakan (lihat perenggan 25).

(6) Seterusnya, perbuatan perayu yang sengaja berdiam diri semasa mesyuarat pada 13 September 2001 menunjukkan perayu mempunyai niat untuk memperdayakan Lembaga dan ini mengakibatkan Lembaga meluluskan keputusan tersebut dengan anggapan keputusan tersebut adalah teratur dan sah. Perbuatan perayu ini menjurus kepada menipu dan pemalsuan (lihat perenggan 26).

**[English summary**

The appellant in this case appealed against the sessions court decision convicting the accused for two charges under ss 468 and 417 of the Penal Code. The charge under s 468 was for forging the master list document containing the results of the Certificate of Legal Practice with the intent of cheating. The charge under s 417 was for cheating the Malaysian Legal Qualifying Board ('the Board') in approving the master list. The appellant was found guilty for both charges and was sentenced to imprisonment of

three months for each of the charges and the sentences of imprisonment were to run concurrently. The appellant was not satisfied with the decision and had filed an appeal on the conviction and sentence imposed. The appellant raised three main issues as follows: (i) whether the appellant knew about the contents of the exh P2 ie the marking scheme and the examination grades directly or indirectly; (ii) whether the appellant had made alteration to the marks in the master list personally or together with two other examiners; (iii) whether the acts of the accused amending the marks breached cl 8 of exh 2 and amounted to cheating and forgery.

**Held**, dismissing the appeal:

(1) SP1, a former director of the CLP (Certificate of Legal Practice) had informed the appellant of the necessary marking scheme. The duration of one month taken by SP1 to teach and guide the appellant matters relating to the CLP practice activities was sufficient for the appellant understand his duties at CLP. As the marking scheme was important in the appellant's job scope, indeed the information of the matters was given by SP1 to the appellant, especially cl 8 of exh P2. Therefore, the appellant's denial of exh P2, especially cl 8 was not founded (see paras 8–9).

(2) In dealing with the markings of the candidates the appellant had to use his powers professionally in carrying out his duties and it was within the terms of the contract of service with the Board. It was clear from P18, ie the witness testimony by the Chairman of the Board, did not give arbitrary authority to the appellant to do anything in dealing with the markings of the candidates including decreasing and increasing the marks. The appellant should refer to the Board (see para 12).

(3) There was strong evidence that the appellant had forged the master list in which the examination marks given by the examiners of the papers were amended by the appellant himself. It was clear from the evidence of SP12 that all the changes to the marks were done on the instruction of the appellant and SP12 had to comply with the appellant's instruction to make the amendments. This showed that the changes in the marks were indeed done on the appellant's instruction (see paras 14–15).

(4) The marks that were increased were clear when compared with the answer scripts SP9, SP10 and SP11 which were produced. What was clear is that the appellant did not have the authority to amend the marks. From the evidence SP2, SP4, SP12 and SP15 clearly showed that the appellant had acted on his own in amending or changing the marks as was stated and he had acted personally (see paras 18 & 21).

(5) The acts of the appellant in amending the master list were prima facie

A evidence as to how the appellant had created the forged documents. The appellant had no lawful authority to amend the master list and the matter was not proposed to the Board during the meeting and neither was the master list produced (see para 25).

B (6) Further, the acts of the accused to intentionally keeping mum during the meeting on 13 September 2001 showed that the accused had the intention to cheat the Board and this had caused the Board to approve the results with the assumption that the results were regular and lawful. The acts of the accused amounted to cheating and forgery (see para 26).]

C

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai ss 468 dan 417 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 200 Reissue) perenggan 1974 & 1920.

D **Kes-kes yang dirujuk**

*Herchun Singh & Ors v PP* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52, MP (dirujuk)

*Lai Kim Hon & Ors v PP [see note at [1980] 2 M.L.J. X.]* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197, MP (dirujuk)

E *Sainal Abidin bin Mading v PP* [1999] 4 MLJ 497, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Kanun Keseksaan ss 415, 463, 464, 468

F *Akberdin (Akberdin & Co) (Jagjit Singh (Jagjit Singh & Co) with him) bagi pihak perayu.*

*Raja Rozela Raja Toran (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

G **Zainal Azman PK:**

PENGENALAN

**[1]** Perayu, Khalid bin Yusoff telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala H Lumpur dengan dua pertuduhan seperti berikut:

**Pertuduhan Pertama**

I Bahawa kamu di antara bulan Ogos 2001 dan 13hb September 2001 di pejabat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia, Tingkat 27, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memalsukan suatu dokumen iaitu 'master list' keputusan peperiksaan Sijil Amalan Guaman Julai 2001 dengan niat ianya digunakan untuk tujuan menipu dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan.

**Pertuduhan Kedua**

Bahawa kamu pada 13.9.2001 di pejabat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia, Tingkat 27, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menipu Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia dengan memperdayakan mereka untuk mempercayai bahawa 'master list' keputusan peperiksaan Sijil Amalan Guaman Julai 2001 adalah keputusan yang benar yang diberi oleh pemeriksa-pemeriksa peperiksaan tersebut dan dengan demikian telah dengan sengaja mendorong mereka untuk meluluskan 'master list' tersebut yang mana mereka tidak akan melakukannya sekiranya tidak diperdayakan sedemikian, dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan.

**[2]** Perayu tidak mengaku salah dan minta dibicarakan. Di akhir kes pembelaan, perayu telah didapati salah atas kedua-dua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan bagi setiap satu pertuduhan dan hukuman penjara berjalan serentak mulai dari 31 Julai 2007.

**[3]** Perayu yang tidak berpuashati akan keputusan tersebut telah memfailkan rayuan atas sabitan dan hukuman yang dikenakan. Sementara itu, penangguhan pelaksanaan hukuman dibenarkan dengan jaminan sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin.

ASAS RAYUAN

**[4]** Perayu melalui peguam belanya telah menimbulkan 16 perkara sebagai alasan bagi mencabar keputusan hakim bicara dan pihak pendakwaan pula telah menjawab segala isu yang ditimbulkan dalam hujahan balas yang difailkan oleh perayu ke mahkamah.

**[5]** Namun begitu, setelah dinilai, diteliti dan ditimbangkan isu-isu yang ditimbulkan perayu hanya terdapat tiga isu utama yang harus dijawab dalam menentukan rayuan perayu iaitu:

(a) sama ada perayu tahu akan kandungan eksh P2 (Scheme of Marks and Grades for the Examination) secara langsung atau tidak langsung;

(b) sama ada perayu telah membuat pindaan kepada markah (alteration) di master list secara perseorangan atau bersama-sama dua lagi anggota penilai;

(c) sama ada perbuatan perayu meminda markah melanggar klausa 8 eksh P2 menjurus kepada perbuatan menipu (cheating) dan pemalsuan (forgery).

A [6] Bagi isu pertama, adalah jelas daripada catatan di nota keterangan, khasnya keterangan SP1 (Prof Balan). Perayu telah mengambil alih jawatan Pengarah CLP (Certificate of Legal Practice) daripada SP1 dan menurut SP1, ia telah mengambil masa lebih kurang satu bulan untuk menerangkan kepada perayu tentang aturan dan aktiviti CLP. SP1 tidak ingat sama ada beliau telah
B memaklumkan kepada perayu akan eksh P2. Namun begitu, apa yang perlu ditekankan ialah eksh P2 telah diluluskan oleh Qualifying Board (QB) yang mana salinan asal eksh P2 disimpan oleh Setiausaha QB. Menurut SP1 lagi, klausa 8 eksh P2 menyatakan peraturan yang patut diikuti jika markah dinaikkan dan peraturan hendaklah digunakan dengan teliti.

C

> Exhibit 2 cl 8:
>
> Upward adjustment of marks
>
> (a) The Board of Examiners may with the consent of the Qualifying Board raise the marks awarded for a paper taken by a candidate.
>
> D
>
> (b) The adjustment shall be limited to not more than two papers and shall not exceed a combined total of five marks.
>
> (c) The Board of Examiners and the Qualifying Board may require any candidate to appear before them for a viva-voce examination.

E

[7] Catitan di nota keterangan akan keterangan SP1 jelas terdapat di ms 101–102 (baris 28–13):

F

> The Director is responsible for conducting the CLP examination. He identifies the examiners and markers and takes it to the Board for approval. The examiners will set the paper and the director will vet them to see if they are in order. Then the exams are held. The scripts are handed over to markers. Before that, there will be a markers' meeting to explain to them how the scripts would be marked. There will also be marking scheme showing the answer and also the marks allocated. After the
>
> G
>
> scripts are marked and returned, there is a remarking process.
>
> The remarking is only for scripts within a certain range, i.e., those who have failed by a certain range. Originally we remarked all failed scripts. Then it was found that it was not use to remark all as the marks were too low. I cannot remember the marking range now. After the remarking, the scripts are checked again by clerks to
>
> H
>
> see if there are errors in additions and also to see that all pages have been marked.
>
> After that the Director and his assistant will enter the marks on to a master-list. The master-list will show the name of candidates and the marks the candidate has obtained in the 5 subjects.

I

Dan ms 103 dan 104 (baris 26–4):

> After me, Encik Khalid Yusof took over as Director of CLP. I know him personally. He is in court (OKT identified). The QB advertised for candidates for post of Director of CLP. There were 3 candidates. Among the three, OKT was chosen. He

was chosen because he was at that time, the head of ITM School of Law and Administration. He had the academic and administrative experience.

I briefed the OKT on the practice and activities. It took about a month. I explained the various activities of the CLP office. I cannot say if I explained the Scheme of Marks or what documents I put before him and any details of training and briefing as 12 years has passed.

**[8]** Daripada keterangan SP1, jelas SP1 telahpun memaklumkan kepada perayu akan skima markah yang patut dibuat. Dengan itu, perayu memang tahu akan hal ini daripada penjelasan SP1. Tempoh masa satu bulan yang diambil oleh SP1 bagi mengajar dan membimbing perayu akan hal berkaitan amalan aktiviti-aktiviti CLP adalah mencukupi bagi perayu memahami tugasnya di CLP. Oleh sebab skim pemarkahan adalah penting dalam bidang tugas perayu, sudah tentu makluman akan hal ini telah diberitahu oleh SP1 kepada perayu, khususnya akan klausa 8 di eksh P2 tersebut.

**[9]** Oleh itu, penafian perayu akan eksh P2, khasnya akan klausa 8 adalah tidak berasas kerana SP1 telah mengambil masa selama satu bulan bagi menerangkan hal-hal berkaitan dengan tugas dan amalan CLP kepada perayu. Hakim bicara telahpun menerima keterangan SP1 dan menerima eksh P2. Oleh itu, menimbangkan keseluruhan keterangan SP1, perayu memang tahu akan amalan dan kegiatan CLP, lebih-lebih lagi akan komponen penting bagi CLP iaitu pemarkahan dan saya putuskan, perayu memang telah diberitahu akan kandungan eksh P2 oleh SP1, lebih-lebih lagi klausa 8. Oleh itu, penafian perayu akan eksh P2 adalah ditolak.

**[10]** Perayu juga dalam rayuannya merujuk secara eksklusif kepada P18, iaitu penyataan saksi oleh allahyarham Tan Sri Moktar Abdullah, yang mana pada masa itu bertugas sebagai Pengerusi Lembaga Kelayakan Undang-Undang. Perayu menyatakan, P18 memberikannya kuasa mutlak untuk membuat apa-apa pindaan atau perubahan markah yang mana pada masa itu tidak dicabar atau disoal sebelumnya. Oleh itu, perayu menyatakan P18 memberikan kuasa kepadanya untuk membuat apa saja dalam menguruskan pemarkahan calon-calon termasuk menurun dan menaikkan markah.

**[11]** Merujuk kepada petikan P18 di ms 8 dan 9 (ms 1086 dan 1087 nota keterangan) menyatakan hal ini.

S: Mengikut perkara 8 peruntukan-peruntukan di dalam kontrak perkhidmatan En. Khalid menyebut 'to organise and run the CLP examination'. Dengan itu En. Khalid memberitahu beliau mempunyai kuasa bagi menguruskan pemarkahan calon-calon iaitu termasuk menurun atau menaikkan markah. Apakah pendapat Tan Sri?

J: Perlantikan En. Khalid sebagai Pengarah Peperiksaan adalah mengikut kuasa Lembaga di bawah Sek. 8(3) Akta Profesion Undang-Undang 1976. Mengikut Sek. 5(e) Akta tersebut Lembaga mempunyai fungsi untuk menyediakan peperiksaan bagi orang-orang yang mempunyai kelayakan yang tidak diiktiraf untuk diterima masuk sebagai peguam cara dan peguam bela. Dengan kata lain Lembaga bertanggungjawab mengadakan peperiksaan CLP bagi calon-calon yang kurang kelayakan ini. Apabila En. Khalid dilantik sebagai Pengarah Peperiksaan dengan syarat bertanggungjawab menguruskan peperiksaan CLP, beliau sebenarnya diamanahkan dan diberi kuasa sepenuhnya oleh Lembaga untuk melaksanakan tanggungjawab Lembaga sepertimana yang diperuntukkan di bawah Sek. 5(e) Akta. Apa-apa kuasa yang ada pada En. Khalid sebagai Pengarah Peperiksaan adalah sebenarnya kuasa mutlak Lembaga yang telah diamanahkan kepadanya dalam menguruskan peperiksaan CLP sepertimana yang disyaratkan dalam kontrak perkhidmatan dengan Lembaga. Sepertimana yang saya sebutkan awal tadi ini adalah tugasan-tugasan Profesional dalam pengurusan dan pengendalian peperiksaan CLP. Hal-hal yang bukan berbentuk tugas-tugas profesional yang bukan memerlukan budibicara profesional (seperti kriteria atau alasan status Bumiputera) adalah di luar tanggungjawab profesional beliau dan seperti yang saya sebutkan tadi patutlah dirujuk semula kepada Lembaga.

**[12]** Menelitikan petikan P18 di atas, saya putuskan perayu harus menggunakan kuasanya secara profesional dalam menjalankan tugas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam kontrak perkhidmatan dengan Lembaga dan dalam urusan yang bukan berbentuk profesional. Perayu patutlah merujuk semula kepada Lembaga. Jelas P18 bukanlah memberikan kuasa sewenang-wenangnya kepada perayu untuk membuat apa saja.

**[13]** Bagi isu kedua pula iaitu sama ada perayu telah membuat pindaan kepada pemarkahan (alteration) di *master list* secara perseorangan atau bersama-sama dua lagi anggota penilai iaitu Saseedharan a/l Menon ('SP4') dan Chandra a/l Kumaran ('SP15').

**[14]** Daripada keterangan saksi pendakwaan, terdapat keterangan yang kukuh bahawa perayu telah memalsukan *master list* bilamana markah peperiksaan yang diberikan oleh pemeriksa kertas telah dipinda oleh perayu sendiri. Keterangan SP12, Hanizah bt Dol di ms 229, 230, 231 nota keterangan menyatakan antara lain:

(Rujuk P4 BCDE).

Ya, markah dinaikkan kepada 40 markah. Ini berlaku semasa mesyuarat dengan Ketua Pemeriksa En. Menon. Saya tiada dalam perbincangan.

Selepas marks enter, saya serahkan kepada OKT. OKT akan bincang dengan En. Menon dan semasa itu perubahan markah akan dilakukan. Markah yang ada adalah seperti dalam kertas jawapan.

Markah telah diubah oleh saya kerana markah telah dipangkah dan ada markah baru. OKT ubah markah kepada 40 markah. Dia potong dengan pen. Saya memang tahu OKT punya writing. Saya kerja dengan di sejak 1994 hingga 2001. Saya boleh cam tulisan dia.

Perubahan ada berlaku kepada ramai student. Semua saya ubah. Master-list yang saya ubah tiada dengan saya lagi. Saya telah serah kepada OKT. Saya tidak dapat kembali.

(P9 ABC dirujuk)

P9A adalah GP dengan markah 27, P9B adalah kertas Civil Procedure dengan markah 30. P9C adalah kertas Criminal Procedure dengan markah 38. Nombor index adalah R/99/3/0211.

(P4 BCDE dirujuk)

Dalam P4E, nama student adalah di No. 51, Angeline Mak. Markah telah dinaikkan ke 40 markah. OKT yang suruh naikkan markah dengan pulang balik mark-sheet dengan markah baru.

(P10 ABC dirujuk)

P10A kertas Civil Procedure dengan markah 30, P10B kertas Evidence dengan markah 32 dan P10C kertas PP dengan markah 31. No. firasat N/98/4/0569.

(P4 BCDE dirujuk)

Dalam P4E, student adalah Suresh a/l Mathavan. Markah telah dinaikkan ke 40 markah untuk ketiga-tiga kertas. Markah diubah sama seperti saya terangkan tadi.

Ada lagi markah yang diubah.

(ID6 ABCD dirujuk)

Dalam ID6C terdapat nama student Mohd. Suhaimi. Dia sekarang dapat markah GP — 33, untuk Civil Procedure — 23.5 markah dan untuk Criminal Procedure — 25. Ini markah asal calon ini. Markah berbeza dengan P4D.

Dalam ID6D terdapat nama calon Angeline Mak. Markah yang dicatit 30 untuk kertas GP, 35.5 untuk Civil Procedure dan 38 untuk Criminal Procedure. Ini markah asal seperti dalam kertas jawapan. Markah berbeza dalam P4E. Markah dalam P4E telah diubah.

Dalam ID6D terdapat nama calon Suresh a/l Mahathavan. Markah yang dicatit adalah Civil Procedure — 30, Evidence — 32 dan PP — 31 mark. Ini adalah markah asal seperti dalam kertas jawapan P10ABC. Markah berbeza dengan P4E. Markah P4E telah diubah.

(Rujuk ID6A dengan P4B)

Ya, saya boleh lihat nama calon Rajendran. Markah dalam ID6A dan P4B berbeza.

(Rujuk ID6B dengan P4C)

Ya, saya boleh lihat calon Charanjeet Singh. Markah dia adalah berbeza. Saya boleh lihat calon bernama Dayang. Markah dia juga berlainan. Charanjeet Singh calon kali pertama. Saya boleh lihat calon Goh Peh Cheng. Markah dia tidak sama. Dia

A calon kali pertama. Saya boleh lihat calon Sharlini. Markah dia berbeza. Dia juga calon kali pertama. Saya lihat calon Tee Chaw Wei. Markah dia tidak sama. Dia calon kali pertama.

(Rujuk ID6D dengan P4E)

B Saya lihat calon Jaspal Singh a/l Shinggara Singh dan Khairuddin bin Abu Hassan. Markah mereka berlainan. Mereka adalah calon kali ke-4.

Perbezaan markah ini diubah oleh OKT. Saya buat atas arahan OKT.

C **[15]** Jelas daripada keterangan SP12, segala perubahan markah telah dibuat atas arahan perayu dan SP12 terpaksa mematuhi arahan pindaan daripada perayu tersebut. Ini menunjukkan perubahan markah memang dibuat atas arahan perayu.

D **[16]** Begitu juga dengan keterangan SP2, Dato' Abdul Wahab Patail, salah seorang ahli QB. Di ms 116 nota keterangan, SP2 berkata:

The result tabled were approved by the QB. It was approved on the basis that the tabulated results as presented before the Board together with the Director's summary. There was some discussion as to the information to be provided to the E Board before approval. The query is stated in page 7 of the minutes ID3. We had no idea of the standards of the questions that were set in the examination papers. We had no idea of the marking standards that were applied. We had no idea of the standards of the candidates in their answers in order to say that a particular mark was a pass or not. The purpose of QB was to ensure that a candidate who is given F a pass is fit from the point of view of his command of the law to practice. It was not a purely academic exercise.

In that particular case, the approval at the end of the day was passed purely on the report prepared by the Director. We had no other measure. We also assumed that everything stated by the Director was correct. The OKT did not at any time tell G the QB about changes to the marks or upgrading of the marks.

**[17]** Begitu juga di ms 118 nota keterangan SP2 menyatakan antara lain:

H OKT did not tell us that he had raised the marks for the reason that if he had done so, we would have insisted on a review before the results were released.

There were a substantial number of cases with similar discrepancies. We were concerned about fairness to all of the candidates. We proceeded to correct the discrepancies. I believe a report was lodged by the Secretary. The Secretary was the I Chief Registrar, Dato' Wahab Said who is now a Judge of the High Court.

If we had known, we would not have approved it but reviewed the matter further. If the Director had informed us that there was mark-up, we would have to consider the reasons for the mark-up and the same yardstick would have to be applied to all the candidates.

**[18]** Markah yang dinaikkan dapat dilihat dengan jelas dengan membandingkan dengan skrip jawapan SP9 (eksh P5 ABC), SP10 (eksh P10 ABC), SP11 (eksh P9 ABC). Apa yang nyata ialah perayu tidak punya kuasa untuk meminda markah tersebut. Keterangan SP4 dan SP15 dalam keterangan mereka menafikan ada menaikkan markah pelajar.

**[19]** SP4 keterangannya di ms 138 nota keterangan menyatakan antara lain:

> I told OKT that he should go ahead to suggest accordingly as he had the power to do it. I had no power. I suggested this without going through the answer scripts. Yes, this would be after the second marking before they went to the Board. I think Encik K.Chandra might have had the same view.
>
> What was shown was a list of marks. The meeting was between the three of us.
>
> (D16 dirujuk)
>
> Yes, it was something like this but in a bigger sheet.
>
> I came to the conclusion that there were some markers who were too lenient and others who were too strict in the same subject.
>
> I was able to tell from a list of markers. I cannot remember now how I arrive at this conclusion.
>
> OKT never said he wanted to raise the marks. I did not raise the marks myself.

**[20]** SP15 pula dalam keterangannya di ms 259 nota keterangan menyatakan:

> I used to prepare questions and mark answer scripts for CLP exams. I was given a letter by the QB appointing me to prepare questions. It was signed by En. Khalid, the director (OKT dicamkan).
>
> (P9ABC dirujuk)
>
> These are answer scripts. Answer scripts were not shown to me. The marks were not shown to me.
>
> (P4 dirujuk)
>
> I did not see this but I saw drafts.
>
> Apart from my own answer scripts, I did not see other scripts.
>
> I did not at any time raise the marks of other students. We only make general comments. What ultimately happens is not my duty.

**[21]** Daripada keterangan SP2, SP4, SP12 dan SP15 jelas menunjukkan perayulah yang bertindak secara bersendirian dalam meminda atau mengubah markah sebagaimana yang dinyatakan itu dan ia bertindak secara perseorangan.

**[22]** Isu ketiga pula yang ditimbulkan adalah perbuatan perayu dalam meminda dan mengubah markah itu menjurus kepada perbuatan menipu (cheating) dan pemalsuan (forgery).

**[23]** Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan di bawah s 468 Kanun Keseksaan adalah:

(a) Dokumen yang dimaksudkan adalah palsu.

(b) Perayu yang melakukannya.

(c) Dengan maksud dokumen pemalsuan tersebut digunakan bagi tujuan menipu.

Manakala s 463 Kanun Keseksaan menerangkan maksud pemalsuan. Seksyen 464 Kanun Keseksaan pula menerangkan keadaan bilamana dokumen palsu tersebut dibuat. Penipuan pula ditakrifkan di bawah s 415 Kanun Keseksaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa:

(a) P4 BCDE (master list) adalah dokumen palsu sebagaimana maksud di *limb* kedua s 464 Kanun Keseksaan.

(b) Pembuatan memalsukan dokumen tersebut terjatuh di bawah niat sebagaimana s 463 Kanun Keseksaan.

(c) P4 BCDE diniatkan untuk digunakan bagi maksud penipuan.

**[24]** Terdapat keterangan yang kukuh bahawa SP12 yang menyediakan *master list* yang mencatatkan markah sebenar yang diberikan oleh pemeriksa kertas sebagaimana yang tercatat di skrip jawapan. *Master list* ini kemudiannya dipinda atas arahan perayu sebagaimana P4 BCDE. P4 BCDE adalah sebenarnya dokumen yang palsu kerana ianya telah dipinda oleh perayu.

**[25]** Tindakan perayu meminda *master list* (P4 BCDE) adalah bukti prima facie tentang bagaimana perayu membuat dokumen palsu. Perayu tidak mempunyai kuasa yang sah (lawful authority) untuk meminda *master list* tersebut dan perkara ini tidak dipanjangkan kepada QB semasa mesyuarat dan *master list* ini dikemukakan.

**[26]** Oleh itu, perbuatan perayu yang sengaja berdiam diri semasa mesyuarat pada 13 September 2001 menunjukkan perayu punya niat untuk memperdayakan QB dan ini mengakibatkan QB meluluskan keputusan tersebut dengan anggapan keputusan tersebut adalah teratur dan sah. Perbuatan perayu ini menjurus kepada menipu dan pemalsuan.

**[27]** Saya telah menelitikan keseluruhan alasan penghakiman yang

disediakan oleh hakim mahkamah sesyen dan memutuskan keputusan tersebut adalah betul dan mengikut undang-undang dan tiada kekhilafan telah berlaku.

**[28]** Merujuk kepada kes *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497 mahkamah menyatakan antara lain:

> We would reiterate that an appellate court should be slow to disturb the finding of facts of a trial court unless such findings are not supported by the evidence or are against the weight of the evidence. Similarly, when it comes to the credibility of witnesses, a trial court is in a better position to assess their credibility as an appellate court is not in a position to do so (*Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232).

**[29]** Begitu juga dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52 di mana mahkamah menyatakan antara lain:

> This view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

**[30]** Di dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor [see note at [1980] 2 MLJ X.]* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 mahkamah menyatakan antara lain:

> In the final analysis, it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject.

PENUTUP

**[31]** Setelah mendengar penghujahan kedua-dua pihak dan setelah meneliti, menilai dan menimbangkan rayuan yang difailkan oleh perayu, saya dapati dan putuskan rayuan perayu tidak bermerit/berasas dan hakim bicara telah membuat pertimbangan yang betul dan tepat, baik dari segi fakta mahupun undang-undang.

**[32]** Dengan itu, rayuan perayu bagi kedua-dua pertuduhan adalah ditolak dan sabitan serta hukuman dikekalkan/(upheld).

*Rayuan ditolak.*

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed